

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.10.2015

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peruntukan Kerajaan yang diberikan kepada Pulau Langkawi semenjak tahun 1987 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak penubuhan LADA pada tahun 1990, peruntukan Kerajaan yang disalurkan kepada LADA adalah sebanyak RM2,068,397,903.00.

Peruntukan ini mula diterima sejak Rancangan Malaysia Ke-6 (RMKe-6) (1990-1995) hingga *Blueprint Pelancongan Langkawi* (BPL) (2011-2016).

Antara projek - projek yang dilaksanakan termasuklah menaik taraf jalan dan taman rekreasi, pengambilalihan tanah dan pembangunan serta pengindahan Pulau Langkawi.